

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Digital
No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

Tel : (03) 8911 7381 Fax : (03) 8911 7525 e-mel : bmkk@inform.gov.my

PEN: 06/2023/02 (JAPEN)

**PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU KAD PERAKUAN MEDIA
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
BAGI TUJUAN LIPUTAN MEDIA SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-15 (PRU DUN KE-15)**

PUTRAJAYA, 21 JUN 2023 – Berikutan pengumuman pembubaran beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam tempoh dua minggu terakhir Jun 2023 ini, pihak media dikehendaki untuk menyemak tarikh luput atau tempoh sah laku Kad Perakuan Media (KPM) masing-masing.

Hal ini bagi memastikan pengamal media yang dijangka bertugas ketika PRU DUN ke-15 memenuhi syarat dokumen wajib permohonan Pas Media Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu memiliki KPM yang masih aktif dan sah hingga 31 Disember 2023.

Permohonan Pas Media SPR adalah terbuka kepada semua pengamal media tempatan dan antarabangsa yang berdaftar dengan Jabatan Penerangan Malaysia.

Bilik Berita

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat (BMKK)

Jabatan Penerangan Malaysia

03-8911 7381 / 7382